

20 APR 2002
DELEGASI-RANGKAIAN/I
LAWATAN DR M PELUANG BAIK BAGI JARINGAN

Oleh: Mohd Arshi Daud

TRIPOLI, 20 April (Bernama) -- Lawatan ke tiga negara yang sedang berjalan sekarang ke Maghribi, Libya dan Bahrain oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianggap sebagai landasan perangkaan yang baik bagi para peniaga yang mengiringi Perdana Menteri itu.

Lebih bayak prjumpaan susulan dijangka terhasil daripada lawatan yang meliputi negara-negara Afrika Utara Maghribi dan Libya dan negara Teluk Bahrain.

"Lawatan seperti ini pastinya mencetus (kontrak perniagaan selanjutnya)," kata Tan Sri Azman Hashim, ketua delegasi perniagaan, yang membentuk sebahagian daripada delegasi Dr Mahathir selama seminggu ke ketiga-tiga negara berkenaan.

Rombongan itu tiba di Libya hari Khamis, perjalanan kedua selepas menghabiskan tiga hari di Maghribi. Mereka akan terbang ke Bahrain hari ini (Sabtu).

Pasukan perniagaan itu dialu-alukan dengan mesra oleh rakan-rakan sejawat mereka di Maghribi dan Libya, yang amat memandangi hormat terhadap pencapaian Malaysia dalam pembangunan ekonomi setakat ini, Azman memberitahu Bernama.

Perwakilan-perwakilan perniagaan Malaysia menawarkan kepakaran mereka seperti infrastruktur, pembangunan harta, teknologi maklumat, pendidikan dan perbankan.

"Perbankan Islam adalah satu bidang kita boleh galakkan," kata Azman, pengurusan kumpulan Arab-Malaysian Banking Group.

Lawatan itu, sementara lebih bersifat "meneroka" adalah "permulaan baik" memandangi peluang untuk mengujudkan perhubungan adalah lebih baik daripada bagi peniaga-peniaga Malaysia melakukannya secara bersendirian, katanya.

"Kami menemui peniaga-peniaga dan pihak-pihak berkuasa. Jadi itu adalah permulaan yang baik," tambahnya.

Pengarah Eksekutif Jualan Perusahaan Otomobil Nasional Kedua (Perodua), Zainuddin Bahaudin bersetuju.

"Rombongan dagangan yang begitu teratur telah mempermudah kami dalam banyak cara. Ia memang menjadikan kerja kami lebih mudah," katanya.

Zainuddin berkata lawatan itu memberikan wakil-wakil perniagaan peluang untuk menemui bukan sahaja pihak-pihak berkepentingan dalam sesuatu bidang, tetapi juga membolehkan mereka bertukar-tukar pandangan dan mendapat penerangan terperinci mengenai keperluan-keperluan tempatan daripada pihak-pihak berkuasa.

"Dengan Perdana Menteri mengetuai delegasi dan penghormatan orang Maghribi dan Libya terhadapnya, kita mempunyai peluang yang lebih baik untuk memperkenalkan produk-produk kita kepada mereka," tambah beliau. --

BERNAMA

MAD MFJ MKO OS